



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 3 MAC 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 3 Mac 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **2,276 kes** (280,707 kes kumulatif, 91.8%);
- Kes baharu : **1,745 kes** (305,880 kes kumulatif);
- Kes import : **2 kes** (2 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **1,743 kes** [1,037 warganegara (59.5%); 706 bukan warganegara (40.5%)];
- Kes aktif : **24,025 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **195 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **95 kes**; dan
- Kes kematian : **7 kes** (1,148 kes kumulatif, 0.38%; 6 warganegara, 1 bukan warganegara).

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **640 kes (36.7 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **503 kes (78.6 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **376 kes (21.5 peratus)** dan Sarawak sebanyak **139 kes (8.0 peratus)**.

Sebanyak **47 kes (2.7 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Telok Mas (20 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (13 kes), Kluster Damai Pelangi (13 kes), dan Kluster Penjara Jalan Sungai Jelok (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan dua (2) kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan masing-masing satu (1) kes di Selangor, Sarawak, Sabah, Johor, dan Kelantan. Sebanyak enam (6) kes melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 3 Mac 2021:

- Jumlah kluster : **1,163 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **11 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **676 kluster** (termasuk **13 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Usaha, Kluster Jalan Timah Dua, Kluster Bukit Sekubong, Kluster Jalan Kinabenua, Kluster Tapak Bina Presint Tujuh, Kluster Jalan Sejahtera, Kluster Jalan Sulaman, Kluster Jalan Menerung, Kluster Tapak Bina Sri Petaling, Kluster Jalan Keluli, Kluster Kebor Air, Kluster Jalan Rantau-Siliau, dan Kluster Seri Lanang**);
- Jumlah kluster aktif : **487 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **74 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Batu Empat (198 kes), Kluster Jalan Pelabuhan (128 kes), dan Kluster Jalan DPB Lima (32 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **11 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan sembilan (9) kluster berkaitan tempat kerja dan masing-masing satu (1) kluster yang melibatkan kumpulan berisiko tinggi dan komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Jalan Perubatan	Selangor	Tempat Kerja
2	Tapak Bina Jalan MP	Selangor	Tempat Kerja
3	Balakong Satu	Selangor	Tempat Kerja
4	Jalan Utarid	Selangor	Tempat Kerja
5	Jalan DPB Lima	Johor	Tempat Kerja
6	Jalan Bachok	Kelantan	Tempat Kerja
7	Jalan PKNK 1/6	Kedah	Tempat Kerja
8	Sri Jelutung	Pahang	Tempat Kerja
9	Jalan Sikamat Lama	Negeri Sembilan	Tempat Kerja
10	Kampung Gedang	Melaka	Komuniti
11	Jalan Anak Gasing	Selangor	Kumpulan Berisiko Tinggi

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

3 Mac 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 3 MAC 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	640 (2)	101,658
SABAH	95	53,138
JOHOR	376	36,986
WP KUALA LUMPUR	92	35,285
NEGERI SEMBILAN	24	16,115
PULAU PINANG	90	11,769
PERAK	136	11,564
SARAWAK	139	10,063
KEDAH	40	7,678
MELAKA	36	6,030
KELANTAN	33	4,997
PAHANG	36	3,835
TERENGGANU	5	3,223
WP LABUAN	0	2,253
WP PUTRAJAYA	3	1,073
PERLIS	0	213
JUMLAH KESELURUHAN	1,745 (2)	305,880

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Kes positif 1,745 kes COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 3 Mac 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 640 kes**

- 136 kes daripada kluster-kluster, termasuk 32 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Utarid, Kluster Jalan Anak Gasing, Kluster Tapak Bina Jalan MP, Kluster Balakong Satu, dan Kluster Jalan Perubatan;**
- 367 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 135 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 376 kes**

- 280 kes daripada kluster-kluster, termasuk 32 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan DPB Lima;**
- 49 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 47 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 139 kes**

- 26 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 60 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 53 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 136 kes**
 - 133 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sabah: 95 kes**
 - 22 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 59 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 92 kes**
 - 26 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 25 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 41 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 90 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 54 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 27 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 40 kes**

- 34 kes daripada kluster-kluster, termasuk 25 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan PKNK 1/6**;
- Dua (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 36 kes**

- 28 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kampung Gedang**; dan
- Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 36 kes**

- 27 kes daripada kluster-kluster, termasuk 26 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Sri Jelutung**;
- Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 33 kes**

- 20 kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Bachok**;
- Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 24 kes**
 - 14 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Sikamat Lama**; dan
 - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: Lima (5) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Tiga (3) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan tujuh (7) kes kematian pada 3 Mac 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1142	177654	Sabah	Lelaki (WN)	65	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
1143	274751	Kelantan	Perempuan (WN)	50	Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai	Obesiti
1144	275846	Selangor	Lelaki (WN)	67	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung
1145	291455	Sarawak	Perempuan (WN)	86	Hospital Sibul	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan gout
1146	299549	Johor	Perempuan (WN)	55	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1147	303575	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	54	Hospital Ampang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1148	191974	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	71	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit darah tinggi dan strok

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

Perincian 11 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN PERUBATAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah restoran yang terletak di Jalan Perubatan 2, Pandan Indah, Hulu Langat. Sehingga 3 Mac 2021, sejumlah 20 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER JALAN UTARID

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Langat dan Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 28 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Utarid U5/15, Shah Alam, Petaling. Sehingga 3 Mac 2021, sejumlah 50 individu telah disaring, di mana **16 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER TAPAK BINA JALAN MP

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 1 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Jalan MP, Subang Jaya, Petaling. Sehingga 3 Mac 2021, sejumlah 163 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER BALAKONG SATU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 1 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan KB 1/9, Kampung Baru Balakong, Hulu Langat. Sehingga 3 Mac 2021, sejumlah 60 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER JALAN ANAK GASING

Kluster kumpulan berisiko tinggi ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-296200) dilaporkan positif COVID-19 pada 27 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat

jagaan warga emas yang terletak di Jalan Anak Gasing 6/5, Petaling Jaya. Sehingga 3 Mac 2021, sejumlah 32 individu telah disaring, di mana **20 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER JALAN DPB LIMA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan DPB/5, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah, Johor Bahru. Sehingga 3 Mac 2021, sejumlah 196 individu telah disaring, di mana **32 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER JALAN SIKAMAT LAMA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-294926) dilaporkan positif COVID-19 pada 26 Februari 2021 hasil saringan pra pembedahan. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pengajian yang terletak di Jalan Sikamat Lama, Seremban. Sehingga 3 Mac 2021, sejumlah 31 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER JALAN PKNK 1/6

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Muda di Kedah. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 22 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan PKNK 1/6, Kawasan Perindustrian Sungai Petani, Kuala Muda. Sehingga 3 Mac 2021, sejumlah 547 individu telah disaring, di mana **29 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER KAMPUNG GEDANG

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Alor Gajah dan Melaka Tengah di Melaka, Petaling di Selangor serta Johor Bahru di Johor. Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-293609) dilaporkan positif COVID-19 pada 25 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah majlis pengebumian yang berlangsung pada 14 Februari 2021. Nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes-kes yang dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Gedang, Alor Gajah. Sehingga 3 Mac 2021, sejumlah 86 individu telah disaring, di mana **35 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER SRI JELUTUNG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Pekan di Pahang. Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-295943) dilaporkan positif COVID-19 pada 26 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Ladang Sri Jelutung, Pekan. Sehingga 3 Mac 2021, sejumlah 213 individu telah disaring, di mana **30 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER JALAN BACHOK

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Bachok dan Pasir Puteh di Kelantan. Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-293662) dilaporkan positif COVID-19 pada 25 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pentadbiran awam yang terletak di Jalan Bachok, Bachok. Sehingga 3 Mac 2021, sejumlah 105 individu telah disaring, di mana **14 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.